

Newspaper : **Kosmo!**
Date : **26th September 2013**
Title : **Bina Puri peroleh kontrak RM441 juta**
Section : **Niaga** Page : **56**

Bina Puri Holdings Bhd
(207184-X)

Bina Puri peroleh kontrak RM441 juta

KUALA LUMPUR - Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri), penyedia perkhidmatan pembinaan awam dan bangunan, memperoleh kontrak bernilai RM441.008 juta daripada Sime Darby CapitaMalls Asia (Melawati Mall) Sdn. Bhd. untuk membina pusat beli-belah setinggi 13 tingkat di Hulu Klang, Selangor.

Pusat beli-belah di Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati yang terletak di kawasan seluas 2.25 hektar itu merupakan tanah komersial paling luas yang terakhir di situ.

Pengarah Urusan Kumpulan, Tan Sri Datuk Tee Hock Seng berkata, syarikat bangga dapat bekerjasama dengan Sime Darby CapitaMalls Asia memandangkan kedua-duanya merupakan organisasi yang dihormati.

"Sime Darby Property memiliki pengalaman yang luas dalam pasaran hartanah di seluruh negara manakala CapitaMalls Asia ialah pemaju utama pusat beli-belah di Asia," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menerusi projek berkenaan, Bina Puri memperoleh RM775.27 juta nilai projek tahun ini manakala nilai projek dalam tangan yang belum dilaksanakan pula bernilai RM1.91 bilion.

"Kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan Bina Puri Group bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013," katanya.

From : Group Corporate Communication Department
Date : 26th September 2013
Subject : Bina Puri News Update